



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***EKSPLOITASI MAKSIM PRINSIP KERJASAMA DALAM DIALOG FILEM
MELAYU***

NORHIDAYU BINTI HASAN

FBMK 2022 5



**EKSPLOITASI MAKSIM PRINSIP KERJASAMA DALAM DIALOG FILEM
MELAYU**

Oleh

NORHIDAYU BINTI HASAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Ogos 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

EKSPLORITASI MAKSIM PRINSIP KERJASAMA DALAM DIALOG FILEM MELAYU

Oleh

NORHIDAYU BINTI HASAN

Ogos 2021

Pengerusi : Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Eksploritansi merujuk kepada ujaran yang sengaja tidak mematuhi Maksim Prinsip Kerjasama (MPK) tetapi mematuhi Prinsip Kerjasama (PK). MPK membantu menghasilkan satu ujaran yang jelas dan dapat mengurangkan salah faham dalam komunikasi. Namun, MPK ini dieksploritansi oleh penutur untuk menghasilkan ujaran yang perlu diinterpretasi maknanya melangkaui makna harfiah. Interpretasi pada peringkat harfiah atau semantik sahaja tidak akan menunjukkan makna sebenar penutur dan berisiko menyebabkan salah faham. Analisis dilakukan terhadap dialog filem Melayu berdasarkan tiga objektif iaitu mengenal pasti eksploritansi MPK dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem, menganalisis perbualan masyarakat Melayu yang mengeksploritansi MPK menerusi filem menggunakan Teori Perbualan Grice dan Relevans dan menganalisis struktur perbualan secara langsung yang mengeksploritansi MPK dalam dialog filem Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dengan menggunakan Teori Perbualan Grice dan Teori Relevan dalam analisis data. Sebanyak 20 buah filem Melayu sekitar tahun 1950-an sehingga 1960-an dijadikan bahan kajian. Pemilihan 20 filem tersebut adalah kerana penggunaan implikatur secara meluas dalam dialog filem terpilih serta dialog terhasil daripada pemikiran, falsafah, estetika dan pegangan masyarakat Melayu. Analisis kajian mendapati bahawa eksploritansi MPK dikesan dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem terpilih. Sebanyak 981 ujaran dapat dikenal pasti sebagai eksploritansi MPK. Maksim Kualiti Prinsip Kerjasama (MKLPK) menunjukkan jumlah eksploritansi yang tertinggi iaitu sebanyak 603 ujaran. Kajian turut mendapati ujaran yang mengeksploritansi MPK ini dapat difahami dengan lebih tepat apabila pendengar menggunakan konteks andaian tentang dunia menerusi TPG dan perkaitan antara input dengan konteks seperti mana yang ditekankan dalam TR. Analisis eksploritansi MPK berdasarkan pendekatan pragmatik dilihat berwibawa menjelaskan makna sebenar implikatur yang tercetus. Selain itu juga, perbualan yang mengeksploritansi MPK dalam dialog filem Melayu juga memaparkan kepelbagaian struktur eksploritansi. Setiap struktur eksploritansi ini

mempunyai ciri yang ketara dan berbeza untuk kesemua jenis MPK. Kepelbagaian struktur eksploitasi MPK ini dapat dilihat menerusi perkataan, frasa, atau ayat yang digunakan. Kajian ini membuktikan bahawa eksploitasi tidak menjejaskan proses penyampaian maklumat yang tepat dalam perbualan. Kehadiran eksploitasi MPK dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem dapat memperlihatkan lagi ciri berbahasa masyarakat Melayu yang tidak memenuhi panduan asas perbualan tetapi dapat menghubungkan konsep kerjasama iaitu memberikan sumbangan yang berkesan dalam perbualan.

Kata Kunci: Eksploitasi, Maksim Prinsip Kerjasama, Implikatur, Perbualan, Melayu



Abstract of this thesis is presented to the Senate of University Putra Malaysia as a fulfilment of requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

EXPLOITATION OF COOPERATIVE PRINCIPLE'S MAXIMS IN THE MALAY FILM DIALOGUE

By

NORHIDAYU BINTI HASAN

August 2021

Chair : Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Exploitation is a term used to describe an utterance that deliberately does not fulfill maxims of the Cooperative Principle (MCP) but fulfills the Cooperative Principle (CP). MCP helps speakers produce clear communication and reduces misunderstandings in communication. However, this MCP is often exploited by speakers to produce an utterance that requires the listener to interpret its meaning beyond the literal meaning. Interpretations of utterances that exploit MCP at the literal or semantic level only will not show the true meaning of the speaker and may be causing misunderstanding. The analysis was performed on the Malay film based on three objectives, that is to identify exploitation MCP in Malay community conversation through films, analyzing Malay community conversations who exploit MCP through the film using Grice's Theory of Conversation and Relevance theory, and analyzing the structure of live conversations that exploit MCP in Malay film dialogue. This study used the text analysis method. A total of 20 Malay films around the 1950s until the 1960s were used as study material. The selection of dialogue from the film is based on the quality of the film because these films featuring the use of language that emerged from the thinking, philosophy, aesthetics, and culture of the Malay community. Analysis showed that the exploitation of MCP is detected in the Malay community conversations through selected films. A total of 981 utterances can be identified as exploitation of MCP. Maxim Of Quality (MQCP) shows the highest number of utterances that exploit the MCP that is 603 utterances. The study also found that utterances that exploit this MCP can be understood more accurately when the listener utilizes the context of assumptions about the world through GCT and the relationship between input and context as emphasized in RT. The analysis of MCP exploitation based on a pragmatic approach is seen to be able to explain the true meaning of the implicature that is triggered. In addition, conversations that exploit MCP that have been detected in selected Malay's film dialogue also shows the diversity of structures of exploitation. Each of these MCP exploitation structures has significant and different characteristics for all types of maxims.

The diversity of the MCP exploitation structure can be seen through the words, phrases, or sentences used. This study also proves that exploitation does not affect the delivery of information in conversation. The exploitation of MCP in the Malay community conversation through the selected film may show linguistic features of the Malay community that do not fulfill the basic guidelines of conversation but will be able to link the concept of cooperation that is making an effective contribution in the conversation.

Keywords: Exploitation, Cooperative Principle's Maxim, Implicature, Conversation, Malay



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah SWT dan kesyukuran yang tidak terhingga atas segala limpahan rahmat, berkat, dan rezeki. Kerana Dia Allah SWT Tuhan seluruh alam, pemilik segala ilmu yang melangkaui akal pemikiran, penghasilan tesis ini dapat diselesaikan. Segala curahan kekuatan dan ketabahan yang diberikan-Nya membantu saya menyempurnakan perjalanan mencari ilmu pada tahap ini. Namun begitu perjalanan ini masih saya teruskan selagi Allah SWT mengizinkan saya bernafas di muka buminya ini.

Penghasilan tesis ini melibatkan banyak pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat mahu pun yang telah memberi kata-kata semangat, mendoakan, memberi idea dan juga memberikan motivasi.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terma kasih kepada Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan, Dr Fazilah Husin dan Dr Nor Azuwan Yaakob selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang setia membantu mencurahkan idea, memberi tunjuk ajar, bimbingan dan juga teguran. Terima kasih yang tidak terhingga kerana meluangkan waktu membaca, mengkritik, membetulkan segala penulisan saya. Segala proses tersebut, saranan dan cadangan amat bermanfaat serta membantu saya menyelesaikan tesis ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kedua orang tua yang tercinta, ayahanda Hasan Yusuf (Allahyarham) dan ibunda Faridah Daud yang selama ini selalu mengiringi saya dengan doa. Kepada ayahanda, pemergiannya ketika 3 hari sebelum saya bertarung dalam medan pembentangan cadangan kajian telah melahirkan Norhidayu Hasan yang baharu. Ketahuilah ayahanda, proses penglahiran itu terlalu sukar untuk anak yang selalu dimanjakan oleh ayahandanya. Namun begitu, hikmah pemergian ayahanda telah membentuk anak manja ini kepada seseorang yang lebih kuat namun kosongnya jiwa masih belum terubat dan tidak akan terubat. Terima kasih atas segala doa dan juga segala pesanan ayahanda. Semoga ayahanda bersama-sama orang yang beriman dan insya-Allah dengan izin-Nya kita berjumpa di taman syurga. Untuk ibunda, terima kasih kerana menjadi sumber kekuatan saya. Dengan melihat wajahnya yang kian berumur membuatkan hati saya luluh kerana dengan umurnya sebegitu, ibunda masih perlu risau akan diri saya. Ikhlas dari anakanda, ampun dan maaf dipinta atas segala kelakuan serta dosa. Terima kasih setulus-tulusnya kerana mendoakan. Untuk ibunda, semoga sihat selalu dan dipanjangkan umurnya bersama lindungan Ilahi. Saya hanya mampu mendoakan supaya kedua insan kesayangan ini dikurniakan rahmat Allah SWT dan dilindungi-Nya tanpa henti. Saya akui ucapan terima kasih ini

tidak setara dan tidak mampu membalas segala pengorbanan ayahanda dan ibunda.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada abang dan kedua kakak saya, Hisham Ghazali, Norazwani Hasan dan Norazilah Hasan yang memberikan dorongan dan semangat. Mereka banyak membantu membina keyakinan dalam diri saya. Terima kasih kepada mereka yang sanggup melayan ketika saya menceritakan segala kesukaran dan kesulitan yang dihadapi. Mereka sentiasa sabar membantu memulihkan emosi dan menstabilkan jiwa saya yang kadang kalanya rapuh. Terima kasih juga kerana membantu saya dalam perjalanan mencari ilmu dari awal zaman persekolahan sehingga kini sama ada dari segi wang, masa, tenaga dan motivasi. Terima kasih juga untuk anak buah yang telah saya anggap seperti anak sendiri Along, Kakak Lisa, Ibak, Abang Jiman, Biena, Ila, Kak Ngah, Nine, Adik Una, Fisha dan Abang Rayyan yang secara tidak langsungnya memberi semangat dan kekuatan kepada saya.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang setulusnya juga diucapkan kepada sahabat karib Nor Afiza Nasir yang telah menemani saya dalam perjalanan ini. Perjalanan yang menuntut kestabilan emosi dan semangat ini berjaya saya jalani dengan kehadiran sahabat dari syurga ini. Walaupun ada ketika saya tidak bersependapat dengannya dan secara tidak sengaja menyakiti dirinya, namun dia tetap berada di sisi dan tidak pernah menjauh hati. Sedia berkongsi sedih dan gembira tanpa banyak bicara. Ucapan kesyukuran dititipkan kepada Allah SWT kerana telah mengurniakan sahabat seperti ini dalam hidup saya. Terima kasih buat sahabat atas segala kata-kata semangat, motivasi, bimbingan emosi dan juga tidak lelah menyeka air mata yang sering mengalir di pipi saya dek ketidakstabilan jiwa. Kehadirannya seperti keluarga telah banyak mengajar saya erti kehidupan dan membantu saya menjadi seseorang yang lebih kuat. Terima kasih sedalam-dalamnya dan semoga kita menjadi sahabat sehingga ke syurga.

Terima kasih yang tidak terhingga juga disampaikan kepada teman-teman seperjuangan, Faizah, Atikah, Isshadiba, Hazwany, Rosnani, Elyani, Wahida dan Atira yang secara tidak langsungnya memberi idea, pendapat, kata-kata semangat dan doa. Semoga segala bantuan kalian itu bernilai ibadah di sisi-Nya. Sejujurnya, perjalanan ini akan menjadi sunyi tanpa adanya kalian.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam penghasilan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga segala kebaikan yang telah dicurahkan kepada saya dikembalikan semula kepada anda secara berganda-ganda oleh Allah SWT. Sekian terima kasih

Norhidayu Hasan

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli jawatankuasa penyeliaan adalah seperti berikut

Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fazilah Binti Husin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nor Azuwan Binti Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PHD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 20 Januari 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Thesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik.: Norhidayu Binti Hasan,

Perakuan ahli jawatankuasa penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan thesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Prof. Madya Zaitul Azma Binti
Zainon Hamzah

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Fazilah Binti Husin

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Nor Azuwan Binti Yaakob

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	9
Objektif Kajian	16
Persoalan Kajian	16
Kepentingan Kajian	16
Batasan Kajian	19
Definisi Operasional	20
Kesimpulan	22
2 SOROTAN LITERATUR	23
Pengenalan	23
Kajian Berkaitan Prinsip Kerjasama	23
Kajian Berkaitan Ketidaktepatan Prinsip Kerjasama	26
Kajian Berkaitan MPK dalam Komunikasi Masyarakat	29
Kajian Berkaitan Filem	34
Kajian Filem dan Bahasa	36
Kajian Hubung Jalin Teori Perbualan Grice dengan Teori Relevans	39
Kesimpulan	43
3 METODOLOGI KAJIAN	45
Pengenalan	45
Reka Bentuk Kajian	45
Konsep dan Kerangka Teori	47
Teori Perbualan Grice	47
Teori Relevans	51
Rasional Pemilihan Teori Perbualan Grice dan Teori Relevans	56
Kaedah Kajian	58
Bahan Kajian	59
Rasional Pemilihan Bahan	61

	Tatacara Kajian	63
	Penganalisan Data	64
	Kesimpulan	67
	Kerangka Konseptual	68
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	69
	Pengenalan	69
	Objektif 1: Eksploitasi Maksim Prinsip Kerjasama dalam Perbualan Masyarakat Melayu Menerusi Filem	69
	Objektif 2: Menganalisis perbualan masyarakat Melayu yang mengeksploitasi MPK menerusi filem menggunakan Teori Perbualan Grice dan Teori Relevans	88
	Objektif 3: Menganalisis struktur perbualan secara langsung yang mengeksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu.	126
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	158
	Kesimpulan	159
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	161
	Pengenalan	161
	Rumusan	161
	Implikasi Dapatan Kajian	165
	Cadangan Kajian Selanjutnya	168
	Kesimpulan	169
	RUJUKAN	171
	LAMPIRAN	186
	BIODATA PELAJAR	234
	SENARAI PENERBITAN	235

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Teori Perbualan Grice	51
2	Kerangka Teori Relevans	55
3	Proses Analisis Eksploitasi MPK Berdasarkan Kerangka Teori Perbualan Grice dan Teori Relevans	66
4	Kerangka Konseptual Kajian	68



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Perbezaan Ketidapatuhan MPK	2
2	Filem Terpilih Mengikut Kategori	61
3	Jumlah Eksploitasi MPK dalam Filem	69
4	Eksploitasi MPK Mengikut Sub Maksim	70
5	Eksploitasi KT1	71
6	Eksploitasi KT2	73
7	Eksploitasi KL1	75
8	Eksploitasi KL2	77
9	Eksploitasi C1	79
10	Eksploitasi C2	81
11	Eksploitasi C3	84
12	Eksploitasi H1	86
13	Perbualan Eksploitasi 1	89
14	Proses Interpretasi Sumbangan PE1/b	93
15	Rumusan Eksploitasi MPK Sumbangan PE1/b	94
16	Perbualan Eksploitasi 2	94
17	Proses Interpretasi Sumbangan PE2/b	98
18	Rumusan Eksploitasi Sumbangan PE2/b	99
19	Perbualan Eksploitasi 3	99
20	Proses Interpretasi Sumbangan PE3/d	104
21	Rumusan Eksploitasi MPK Sumbangan PE3/d	105
22	Perbualan Eksploitasi 4	105
23	Proses Interpretasi Sumbangan PE4/b	109

24	Rumusan Eksploitasi Sumbangan PE4/b	111
25	Perbualan Eksploitasi 5	111
26	Proses Interpretasi Sumbangan PE5/b	114
27	Rumusan Eksploitasi Sumbangan PE1/b	115
28	Perbualan Eksploitasi 6	115
29	Proses Interpretasi Sumbangan PE6/b	120
30	Rumusan Eksploitasi MPK Sumbangan PE6/b	121
31	Perbualan Eksploitasi 7	122
32	Proses Interpretasi Sumbangan PE7/d	125
33	Rumusan Eksploitasi Sumbangan PE7/d	126
34	Struktur Perbualan Eksploitasi MKTPK Tidak seperti Diharapkan	128
35	Struktur Perbualan Eksploitasi MKTPK Lebih dari Diharapkan	130
36	Struktur Perbualan Eksploitasi MKTPK Pengulangan	132
37	Struktur Perbualan Eksploitasi MKLPK Perbandingan	134
38	Struktur Perbualan Eksploitasi MKLPK Peniruan	136
39	Struktur Perbualan Eksploitasi MKLPK Pertanyaan	138
40	Struktur Perbualan Eksploitasi MKLPK Penyamaran	141
41	Struktur Perbualan Eksploitasi MKLPK Struktur Palsu	143
42	Struktur Perbualan Eksploitasi MCPK Mewakili	146
43	Struktur Perbualan Eksploitasi MCPK Helah Bunyi	148
44	Struktur Perbualan Eksploitasi MCPK Kelompok	150

45	Struktur Perbualan Eksploitasi MCPK Tidak Diperlukan	153
46	Struktur Perbualan Eksploitasi MHPK Tidak Selari	155
47	Struktur Perbualan Eksploitasi MHPK Tidak Berkaitan	157



SENARAI SINGKATAN

MPK	Maksim Prinsip Kerjasama
PK	Prinsip Kerjasama
MKTPK	Maksim Kuantiti Prinsip Kerjasama
MKLPK	Maksim Kualiti Prinsip Kerjasama
MCPK	Maksim Cara Prinsip Kerjasama
MHPK	Maksim Hubungan Prinsip Kerjasama
TPG	Teori Perbualan Grice
TR	Teori Relevans
FPDP	Filem Permata di Perlombongan
FPB	Filem Penarik Becha
FSP	Filem Semerah Padi
FBL	Filem Bujang Lapok
FSOM	Filem Sumpah Orang Minyak
FBBBB	Filem Batu Belah Batu Bertangkop
FNPB	Filem Nujum Pak Belalang
FLM	Filem Lela Manja
FIN	Filem Isi Neraka
FSDT	Filem Singapura Dilanggar Todak
FST	Filem Si Tanggung
FSBL	Filem Seniman Bujang Lapok
FBD	Filem Batu Durhaka
FPM	Filem Pileh Menantu
FDM	Filem Darah Muda
FSB	Filem Siapa Besar

FSSB	Filem Sayang Si Buta
FDS	Filem Dayang Senandong
FAK	Filem Aksi Kuching
FLK	Filem Lampong Karam



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Eksplotasi umumnya merujuk kepada perbuatan memajukan sesuatu sumber untuk mendatangkan keuntungan dan perbuatan mengambil kesempatan terhadap sesuatu untuk kepentingan pihak yang terlibat. Namun, istilah eksploitasi ini telah digunakan oleh Grice (1989) untuk merujuk sumbangan yang sengaja tidak mematuhi Maksim Prinsip Kerjasama (seterusnya MPK) bagi mencetuskan implikatur. Di samping itu, eksploitasi juga dapat dijelaskan sebagai sumbangan yang mengeksploitasi pengetahuan penutur dan pendengar berkaitan latar belakang MPK (Mooney, 2004). Szczepanski (2015) menjelaskan eksploitasi MPK merupakan sumbangan yang mengeksploitasi andaian konvensi sosial untuk menghasilkan implikatur. Eksploitasi MPK ini turut memberi gambaran bahawa perbuatan manusia sebenarnya memenuhi Prinsip Kerjasama (seterusnya PK) dan maksimnya ketika menghasilkan implikatur (Brumark, 2006).

Eksplotasi MPK merupakan salah satu bentuk ketidakpatuhan MPK. Grice (1989) menjelaskan ketidakpatuhan ini terbahagi kepada empat jenis iaitu pencabulan, pilihan keluar, pertembungan dan pelanggaran. Istilah eksploitasi ini diguna pakai oleh Grice (1989) untuk membezakan ketidakpatuhan pelanggaran dengan jenis ketidakpatuhan yang lain. Hal ini kerana, hanya sumbangan yang sengaja tidak mematuhi MPK dan dapat dihubungkan dengan PK akan dirujuk sebagai eksploitasi MPK (Grice, 1989). Istilah eksploitasi ini penting untuk diperincikan kerana hanya eksploitasi MPK akan menghasilkan implikatur yang dapat memberikan kesan sumbangan kepada penutur dan juga pendengar (Davies, 2000). Seperti yang dinyatakan Grice (1989) kesemua ketidakpatuhan MPK akan mencetuskan implikatur, namun yang membezakan empat jenis ketidakpatuhan ini adalah hubung jalinannya dengan PK. Jadual 1 di bawah menunjukkan keseluruhan perbezaan jenis ketidakpatuhan berdasarkan Grice (1989).

Jadual 1: Perbezaan Ketidakpatuhan MPK

Jenis Ketidakpatuhan MPK	Sengaja	Tidak Sengaja	Kesan Kepada Penutur	Kesan Kepada Pendengar	Hubung Jalin Dengan PK
Pencabulan	✓	✗	✓	✗	✗
Pilihan Keluar	✓	✗	✓	✗	✗
Pertembungan	Terpaksa/Tidak Sengaja		✗	✗	✗
Eksplotasi	✓	✗	✓	✓	✓

Eksplotasi MPK amat ditekankan oleh Grice (1989) dan mempunyai ciri yang ketara berbanding jenis ketidakpatuhan yang lain. Grice (1989) turut menyatakan, antara ciri eksploitasi MPK adalah sumbangan tersebut bukannya untuk menyembunyikan maklumat atau berbohong kepada pendengar. Selain itu, sumbangan yang mengeksploitasi MPK juga bukannya untuk menyebabkan pendengar keliru atau salah faham. Tambahan lagi, eksploitasi MPK ini dapat dikesan menerusi ciri apabila penutur melakukan ketidakpatuhan, keadaan ini disadari atau diketahui oleh peserta interaksi dan penutur sememangnya sengaja mahu perkara tersebut terjadi. Sumbangan yang mengeksploitasi MPK ini juga adalah satu ujaran yang boleh dan mampu dinyatakan penutur dengan cara mengikut MPK tetapi penutur membuat pilihan untuk tidak mengikut MPK (Grice, 1989). Cruse (2000) juga telah meringkaskan ciri eksploitasi kepada 1) sumbangan itu diketahui dan disadari pendengar sebagai sumbangan yang tidak memenuhi MPK, 2) jelas kepada pendengar bahawa penutur ingin perkara (1) terjadi, dan 3) tiada sebarang tanda penutur keluar daripada PK.

Secara khususnya, ciri eksploitasi MPK yang paling utama ditekankan oleh Grice (1989) adalah hubungannya dengan PK. Hanya eksploitasi MPK akan memberikan maklumat seperti mana diperlukan dan dikehendaki oleh pendengar. Keadaan ini mencetuskan satu fahaman bahawa eksploitasi MPK akan menghasilkan sumbangan yang memberi kepentingan atau faedah kepada penutur dan dalam masa yang sama akan memberikan sumbangan mencukupi kepada pendengar, menepati konsep kerjasama dalam perbualan. Ringkasnya, eksploitasi MPK merupakan sumbangan yang tidak memenuhi keperluan MPK untuk kepentingan penutur dan memberikan sumbangan yang berkesan kepada perbualan. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan PK dalam komunikasi.

“Kerjasama” dalam Prinsip Kerjasama

Sebelum membincangkan istilah atau konsep kerjasama yang ditekankan oleh Grice (1989) dalam Prinsip Kerjasama, sebaiknya konsep kerjasama secara umum diterangkan terlebih dahulu. Secara umumnya istilah kerjasama merujuk kepada situasi yang melibatkan individu melakukan sebarang kerja bersama-sama dengan individu lain. Kerjasama ini juga dapat diuraikan kepada perlakuan individu yang membantu dengan cara melakukan perbuatan yang

diminta oleh individu lain. Tambahan pula, istilah kerjasama ini dapat dikaitkan dengan proses melakukan kerja atau sebarang aktiviti bersama-sama sehingga selesai.

Grice (1989) telah menggunakan konsep kerjasama ini untuk menerangkan perlakuan komunikasi manusia. Konsep kerjasama ini sebenarnya telah mendasari komunikasi manusia yang secara semula jadinya bekerjasama dalam komunikasi iaitu memberikan sumbangan perbualan menerusi cara yang paling berkesan. Di samping itu, konsep kerjasama ini dapat dikaitkan dengan tindakan kerjasama dalam perbualan iaitu melibatkan peserta perbualan bertindak bersama-sama, saling membantu secara semula jadi dan mempunyai pengetahuan bersama mengenai keinginan masing-masing mengikut tujuan perbualan yang berlangsung (Moore, 2018).

Istilah kerjasama dalam PK ini merupakan istilah yang digunakan untuk menjelaskan tindakan pertuturan manusia dalam perbualan (Davies, 2000). Davies (2006) menyokong dakwaan konsep kerjasama dalam PK ini sememangnya hadir secara semula jadi dalam perbualan manusia. Konsep kerjasama akan membantu pendengar mentafsir sumbangan yang berisiko menjadi sumbangan tidak berkesan atau tidak mencapai matlamat perbualan.

Perbualan merupakan satu proses penerimaan makna secara semula jadi dan proses ini akan menunjukkan usaha kerjasama (Grice, 1989). Lindblom (2001) turut menyokong dakwaan Grice ini dengan menyatakan proses kerjasama dalam PK adalah cara mengikut perlakuan standard perbualan untuk mencapai matlamat komunikasi yang sedang berlangsung. Selain itu bagi mengukuhkan dakwaan konsep kerjasama dalam perbualan manusia, Grice (1989) menjelaskan penutur dan pendengar harus memberikan sumbangan yang diharapkan mengikut tujuan perbualan. Berikut adalah penjelasan Grice.

“Make your contribution such as required, at the stage at which it occurs, by the accepted purpose or direction of the talk exchange in which you are engaged”

Grice (1975:45)

Penjelasan Grice (1975:45) ini menunjukkan perbualan adalah satu interaksi sosial yang memerlukan usaha kerjasama antara peserta perbualan bagi mencapai tahap yang dapat memenuhi keperluan atau tujuan perbualan. Konsep kerjasama yang ditekankan oleh Grice (1989) ini dapat dijelaskan sebagai usaha peserta perbualan mematuhi konvensi perbualan atau cara peserta perbualan perlu berkelakuan untuk mencapai matlamat yang sama.

Konsep kerjasama ini dapat dijelaskan menerusi tiga ciri iaitu (i) peserta perbualan mempunyai tujuan perbualan yang sama walaupun berbeza niat atau matlamat, (ii) sumbangan itu adalah saling bergantung dan dapat dihubung

kaitkan (sumbangan perbualan penutur dapat memenuhi matlamat pendengar) (iii) pertukaran sumbangan berlangsung dengan berterusan sehingga peserta perbualan bersetuju menamatkan sumbangan itu iaitu sumbangan akan ada penutupnya dan tidak dibiarkan tergantung (Grice, 1989:29).

Dalam konteks yang lebih luas, konsep kerjasama ini dikembangkan oleh Grice dalam PK sebagai usaha mendapatkan komunikasi yang berjaya dan berkesan (Mirivel, 2015; Poggi, 2016; dan Oeberst & Moskaliuk, 2016). Komunikasi yang berkesan merupakan pertukaran sumbangan berlaku dengan lancar dan pemahaman makna yang tepat oleh pendengar. PK ini adalah satu perlakuan standard atau konvensi perbualan yang telah diikuti manusia secara sedar atau pun tidak. Hal ini kerana peserta komunikasi secara semula jadinya mengharapkan perlakuan standard perbualan dipenuhi ketika terlibat dalam sesuatu komunikasi. Perlakuan standard perbualan itu dapat dijelaskan sebagai memberikan kerjasama yang diperlukan dalam komunikasi.

Grice (1989) menyarankan peserta komunikasi mematuhi PK dan maksimnya bagi memastikan sumbangan yang disampaikan jelas dan dapat mengelakkan berlakunya salah faham. Sumbangan yang jelas ini merujuk kepada sumbangan yang mematuhi MPK sekali gus dapat dihubungkan dengan konsep kerjasama dalam perbualan. PK dapat dibahagikan kepada maksimnya yang terdiri daripada Maksim Kuantiti Prinsip Kerjasama (seterusnya MKTPK), Maksim Kualiti Prinsip Kerjasama (seterusnya MKLPK), Maksim Hubungan Prinsip Kerjasama (seterusnya MHPK) dan Maksim Cara Prinsip Kerjasama (seterusnya MCPK). Maksim merupakan peraturan ringkas yang perlu dipatuhi oleh penutur dalam perbualan di bawah PK (Grice, 1989). Secara ringkasnya PK adalah satu panduan umum manakala maksim di bawah PK adalah perincian peraturan.

MPK sebagai Perlakuan Komunikatif Rasional

MPK adalah satu perlakuan komunikatif rasional yang wujud secara semula jadi dalam diri manusia dengan andaian bahawa setiap manusia akan memenuhi perlakuan ini ketika memberikan sumbangan (Grice, 1989; Németh, 2004; Senft, 2008; Dynel, 2013; Carston, 2013; dan Mazzone, 2018). Selain itu, MPK merupakan peraturan yang harus dipatuhi untuk mencapai tujuan perbualan pada tahap yang maksimum. Umumnya, MPK adalah satu andaian bentuk asas sumbangan perbualan (Grice, 1989).

Setiap MPK mempunyai beberapa keperluan untuk mendapatkan sumbangan berkesan. Pada waktu yang sama, MPK ini dapat digunakan oleh pendengar untuk menganalisis sumbangan seterusnya menunjukkan niat dan tujuan sumbangan yang sebelum ini tidak disedari oleh pendengar. MPK ini diuraikan Grice (1989) kepada sembilan submaksim yang berbeza. Fungsi komponen MPK ini adalah untuk memastikan setiap sumbangan yang disampaikan jelas,

relevan, benar dan mencukupi berdasarkan keinginan penutur dan pendengar. Bernsen et al (1996) menjelaskan setiap MPK ini mempunyai keperluan yang berbeza namun mempunyai satu tujuan yang sama iaitu mengelakkan berlakunya gangguan dalam penyampaian sumbangan berkesan dan jelas.

Walaupun Grice (1989) menyatakan MPK menyediakan panduan untuk mendapatkan sumbangan berkesan, namun MPK ini tetap sahaja tidak dipatuhi oleh penutur menerusi pelbagai cara seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Namun, ketidakpatuhan jenis pelanggaran amat ditekankan oleh Grice kerana melibatkan eksploitasi MPK yang berhubung jalin dengan PK berbeza dengan ketidakpatuhan yang lain.

Implikatur Perbualan Hasil Eksploitasi MPK

Grice (1989) menjelaskan implikatur yang terhasil daripada eksploitasi MPK perlu dianalisis maknanya melangkaui makna literal ujaran penutur. Peserta perbualan mengharapkan sumbangan menepati andaian sumbangan rasional iaitu benar, berkaitan, jelas dan mencukupi. Namun, jika sumbangan tersebut tidak memenuhi ciri sumbangan berkesan atau rasional (benar, berkaitan, jelas dan mencukupi), maka pendengar perlu menghubungkan jalinan PK dalam proses ini bagi menentukan bahawa implikatur yang terhasil itu adalah satu bentuk eksploitasi MPK atau pun tidak.

Selepas itu, apabila telah jelas kepada pendengar bahawa sumbangan tersebut mengeksploitasi MPK, pendengar perlu menginterpretasi makna sumbangan tersebut berdasarkan konteks perbualan kerana eksploitasi MPK akan menghasilkan sumbangan yang memenuhi ciri sumbangan berkesan walaupun tidak mematuhi MPK. Pendengar seterusnya akan memperoleh sumbangan rasional dengan kemahuannya menerusi implikatur yang terhasil.

He may flout a maxim; that is, he may blatantly fail to fulfil it...I shall say that a maxim is being exploited.

(Grice, 1989:30)

Seperti mana yang dijelaskan oleh Grice (1989:30), implikatur terhasil menerusi eksploitasi MPK berdasarkan ciri eksploitasi iaitu sumbangan memberikan faedah dan kepentingan kepada peserta komunikasi, disedari oleh pendengar bahawa MPK sedang tidak dipenuhi, bukan untuk mencetuskan salah faham, sumbangan tersebut sebagai isyarat penutur sedang memberikan maklumat yang diperlukan, dan menepati struktur mekanisme implikatur. Grice (1989) menerangkan tentang implikatur yang terhasil menerusi eksploitasi MPK dengan memberikan contoh seperti berikut.

...Dear sir, Mr. X's command of English is excellent, and his attendance at tutorials has been regular. Yours, etc...
(Grice, 1989:33)

Dalam contoh yang diberikan oleh Grice (1989:33), A telah menulis surat tentang Encik X kepada individu yang bertanggungjawab melantik Encik X untuk jawatan berkaitan falsafah. Konteks ujaran ini adalah Encik X merupakan pelajar kepada A. Berdasarkan konteks ujaran, A teragak-agak untuk menulis hal yang sebenar memandangkan X ialah anak muridnya. Maka sumbangan tersebut mencetuskan implikatur X ialah seseorang yang tidak mahir dalam bidang falsafah.

Sumbangan tersebut merupakan eksploitasi MPK berdasarkan 2 keadaan iaitu 1) sumbangan A bukan sumbangan memilih keluar maksim kerana A memilih untuk bekerjasama dengan memberikan maklumat menerusi suratnya dan 2) sumbangan A ini juga bukan bertujuan untuk berbohong atau menyebabkan pendengar salah faham. Dua keadaan ini menepati ciri eksploitasi MPK. Dengan memberikan sumbangan lebih dari yang dimahukan pendengar, A telah mengeksploitasi MKTPK kerana sumbangan A itu dapat dihubungkan dengan PK iaitu penutur bekerjasama memberikan sumbangan yang akan menjadi rujukan kepada pendengar. Maka sumbangan ini dapat dijelaskan sebagai eksploitasi MKTPK.

Selain itu, Clark (2013) menyatakan jika A tidak mematuhi MPK dan sumbangan yang diberikan tidak relevan dengan perkara yang dibincangkan maka sumbangan A tersebut semestinya mengandungi implikatur. Implikatur yang terhasil ini dapat dijelaskan sebagai hasil eksploitasi MPK jika mematuhi PK. Seterusnya, sumbangan yang mengeksploitasi MPK harus diinterpretasi dengan merujuk kepada makna sumbangan yang dimaksudkan penutur bukannya merujuk makna yang dikatakan sumbangan itu semata-mata. Makna yang dimaksudkan merujuk makna yang melangkaui makna harfiah sumbangan, manakala makna yang diperkatakan merujuk kepada makna harfiah atau linguistik sumbangan.

Grice (1989) telah menyatakan pendiriannya berkaitan makna sumbangan berimplikatur iaitu makna implikatur bukan sebahagian daripada makna ujaran sahaja tetapi sebahagian daripada rujukan atau inferen bagi kata yang digunakan. Implikatur amat bergantung kepada konteks. Hal ini menyebabkan pentafsiran kesimpulan implikatur akan berubah jika konteks juga berubah. Grice (1989) menjelaskan, implikatur dan MPK ini berkait rapat antara satu sama lain. Implikatur akan terhasil menerusi proses eksploitasi MPK dan perlu diinterpretasi maknanya untuk mendapatkan makna sebenar ujaran. Proses interpretasi ini pula berhubung dengan huraiian makna ujaran berdasarkan konteks (Siti Hajar, 2010). Palmer (1981) turut berpendapat, tarikan utama dalam membincangkan istilah atau konsep implikatur adalah meneliti cara ujaran implikatur itu diterbitkan.

Implikatur dalam Perbualan Masyarakat Melayu

Menyentuh perihal implikatur, masyarakat Melayu terkenal dengan cara berbahasa yang tersendiri. Penggunaan implikatur lazim ditemui dalam komunikasi masyarakat Melayu kerana budaya Melayu menekankan tindakan kesantunan (Noriati, 2005). Seterusnya, Vijayaletchumy dan Noor Asiah (2008) menyatakan bahasa dan budaya mempunyai dua nilai yang berbeza namun nilai ini berkait rapat untuk membentuk satu imej yang jelas sesebuah komuniti. Tambahan pula, bahasa dapat mencerminkan budaya penutur. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa kedua-dua konsep ini membawa pengaruh yang besar dalam kehidupan.

Penggunaan implikatur ini secara langsungnya dapat menonjolkan aspek budaya dan kehalusan berbahasa sekali gus mencerminkan keperibadian masyarakat Melayu. Penggunaan implikatur ini telah menjadi satu kebiasaan dalam komunikasi masyarakat Melayu (Mustafa, 2010). Adakalanya masyarakat Melayu cenderung untuk menggunakan sumbangan berimplikatur berbanding sumbangan yang membawa makna denotatif atau literal semata-mata. Pemilihan cara penyampaian mesej menggunakan implikatur dapat dikaitkan dengan budaya masyarakat Melayu.

Selain itu juga, penggunaan sumbangan yang tidak menyampaikan maksud penutur secara langsung seperti implikatur ini dapat menonjolkan nilai ketimuran dan keperibadian masyarakat Melayu yang menerapkan nilai berbudi bahasa dalam komunikasi. Mohd Aris dan Ahmad Esa (2012) menggambarkan masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang berpegang teguh pada adat dan juga tradisi. Maka tidak hairanlah jika implikatur digunakan dalam komunikasi orang Melayu. Bagi mewujudkan situasi kehidupan yang sejahtera, orang Melayu berhati-hati dalam berkomunikasi sama ada ketika menyatakan pandangan, nasihat, sindiran, pujian, permintaan dan sebagainya. Kesilapan dalam memberi sumbangan akan mencetuskan kesan negatif seperti pendengar akan tersinggung dan mencetuskan perbalahan antara satu sama lain.

Seterusnya menurut Mohd Aris dan Ahmad Esa (2012) lagi, implikatur ini dapat menggambarkan sisi kebijaksanaan orang Melayu yang mampu berfikir tentang makna sebenar yang ingin disampaikan menerusi penyimpangan daripada keperluan sumbangan umum. Walaupun ujaran itu melanggar prinsip perbualan dan tidak membekalkan maklumat yang mencukupi kepada pendengar, namun hakikatnya ujaran tersebut telah membekalkan rujukan yang mencukupi untuk menggambarkan sumbangan sebenar penutur.

Filem sebagai Model Pragmatik

Pemaparan sumbangan eksploitasi MPK ini boleh dilihat secara jelas menerusi pemerhatian langsung atau pun rakaman. Namun, sumber yang paling terbaik

adalah sumber rakaman. Hal ini kerana rakaman akan menyediakan sumber penggunaan bahasa mengikut peredaran masa. Umumnya, cara orang terdahulu berbahasa yang pada masa kini tidak dapat dilihat atau didengar secara langsung akan boleh diamati menerusi rakaman. Secara khususnya, filem mampu menyediakan sumber ini dengan memaparkan penggunaan bahasa masyarakat dahulu yang tidak boleh diamati secara langsung pada masa kini.

Filem merupakan satu bentuk rakaman penggunaan bahasa masyarakat yang paling terkenal. Filem memberi gambaran sebenar dan refleksi kepada cara sesebuah masyarakat menjalani kehidupan dan satu bentuk seni melihat (Lyden, 2009). Filem turut menjadi sumber cerminan kepada realiti kehidupan sosial sesebuah masyarakat sasaran pada masa kini ataupun pada masa lampau serta dapat membantu menyediakan sudut pandangan yang jelas kepada kehidupan akan datang.

Selain itu, filem juga satu medium untuk menggambarkan aktiviti sosial masyarakat terutamanya bahasa. Ramai yang mengakui bahawa penggunaan bahasa dalam filem boleh menggambarkan bahasa masyarakat. Buktinya boleh dilihat menerusi tindakan pendidik yang memilih filem sebagai bahan pengajaran bahasa dengan mendakwa filem mempunyai ujaran yang autentik (Alvarez-Pereyre, 2008). Alvarez-Pereyre (2008) turut membuktikan filem berwibawa menjadi bahan kajian linguistik kerana ujaran yang digunakan menggambarkan bahasa masyarakat yang sebenar. Filem juga menyediakan pelbagai ragam dan bentuk ujaran yang telah diterima dan diakui oleh penutur asli bahasa tersebut serta menyediakan sumber untuk kajian struktur ujaran, makna dan fungsi.

Bruti (2016) pula menjelaskan, pada awalnya dialog atau perbualan dalam filem dikritik dari sudut nilai keaslian dan nilai semula jadinya kerana ujaran tersebut adalah rekaan. Namun pada hakikatnya dakwaan ini dapat disangkal oleh tujuan penulisan dan cara penyampaian skrip itu sendiri yang direka untuk kedengaran semula jadi dan spontan menyamai ujaran sebenar masyarakat. Dakwaan Bruti (2016) ini turut diakui oleh Giampieri (2018) dengan menjelaskan bahawa terdapat banyak filem menggunakan ujaran yang tidak mengikut skrip iaitu diujarkan secara spontan oleh pelakon. Lazimnya ujaran spontan ini adalah hasil penelitian pelakon itu terhadap watak yang cuba digambarkannya. Maka ujaran yang diujarkan itu akan menggambarkan penggunaan bahasa yang sehari-hari.

Dialog dalam filem turut merakamkan secara tepat aspek linguistik perbualan seharian manusia. Bednarek (2018) menjelaskan perbualan dalam filem adalah satu perbualan yang tulen kerana memaparkan struktur perbualan seharian biasa. Dialog dalam filem juga tidak boleh dianggap sebagai ujaran yang palsu, rekaan atau tidak sesuai untuk dijadikan data dalam analisis pragmatik. Dialog dalam filem tetap sahaja mempunyai konteks dan perkara ini amat penting untuk menjadikan dialog filem seperti perbualan sebenar (Jucker & Locher, 2017).

Penyataan Masalah

Berdasarkan penelitian terhadap kajian sebelum ini, taksonomi ketidakpatuhan telah menimbulkan satu isu yang penting untuk dibincangkan. Grice (1989) menyatakan MPK akan membantu manusia memahami perbualan yang bukan sahaja apabila MPK ini dipatuhi tetapi juga dalam keadaan apabila MPK tidak dipatuhi. Ketidakpatuhan MPK ini dilakukan untuk menghasilkan implikatur. Seperti yang dijelaskan sebelum ini ketidakpatuhan berlaku menerusi pelbagai cara. Maka kepelbagaian cara ini secara tak langsungnya akan mencetuskan implikatur dengan niat komunikasi yang berbeza (Mooney, 2004). Taksonomi berkaitan ketidakpatuhan ini dilihat telah menimbulkan beberapa isu apabila istilah "pelanggaran" disalahgunakan untuk merujuk semua jenis ketidakpatuhan (Dyrel, 2008)

Hal ini boleh dilihat menerusi perbincangan Thomas (1995) dan Jia (2008) yang tak konsisten menggunakan istilah pelanggaran untuk semua ketidakpatuhan dalam perbincangan mereka. Begitu juga dengan Hu (2012) yang menyatakan kesemua jenis ketidakpatuhan MPK sebagai satu aspek yang sama dalam perbincangannya. Kekeliruan ini selanjutnya boleh dilihat menerusi perbincangan Mukaro, Mugari, dan Dhumukwa (2013) yang menyatakan ketidakpatuhan adalah pencabulan yang terbahagi kepada pelanggaran, pilihan keluar, dan pertembungan. Begitu juga dengan perbincangan Sobhani dan Saghebi (2013) dan Liu (2017) yang menggunakan istilah pencabulan untuk keadaan pelanggaran.

Walaupun Thomas (1995) menyatakan penggunaan istilah pelanggaran untuk merujuk semua ketidakpatuhan tidak akan menimbulkan masalah, namun penggunaan istilah itu akan menimbulkan kekeliruan apabila konsep eksploitasi MPK Grice (1989) dibawa masuk dalam perbincangan ini. Hal ini kerana, eksploitasi MPK hanya akan hadir dalam ketidakpatuhan pelanggaran disebabkan hubungan tidak terpisah dengan PK (Grice, 1989). Tindakan Thomas (1995) ini berdasarkan alasan Grice (1989) juga tidak konsisten dengan penggunaan istilah untuk ketidakpatuhan yang menggunakan istilah "pencabulan" untuk semua jenis ketidakpatuhan. Namun begitu alasan Thomas (1995) ini sebenarnya menimbulkan kekeliruan kerana perbincangan Grice (1989) untuk menunjukkan kesan ketidakpatuhan iaitu implikatur yang akan terhasil menerusi semua ketidakpatuhan.

Penggunaan istilah pelanggaran untuk semua ketidakpatuhan ini akan menimbulkan kekeliruan kerana implikatur yang terhasil akan menggambarkan niat komunikasi yang berbeza. Keadaan ini boleh dilihat menerusi pernyataan Grice (1989) iaitu pelanggaran akan memberikan sumbangan berkesan menerusi eksploitasi MPK iaitu sengaja melanggar MPK dan berhubung jalin dengan PK tetapi pencabulan akan menghasilkan sumbangan untuk menyembunyikan maklumat atau berbohong kepada pendengar. Pilihan keluar pula akan menunjukkan penutur tidak mahu memberikan maklumat kepada pendengar. Penggunaan istilah pelanggaran untuk ketidakpatuhan ini perlu

dibincangkan dengan lebih lanjut. Maka penelitian terhadap taksonomi Grice berkenaan eksploitasi MPK ini rasional dilakukan kerana penelitian ini akan menjelaskan lagi aspek eksploitasi berdasarkan pengenalpastian eksploitasi daripada ketidakpatuhan yang lain dalam komunikasi yang berlangsung.

Yan (2014) menyatakan dalam perbualan seharian biasa, masyarakat akan mengeksploitasi MPK. Hal ini berbeza dengan perbualan formal yang tidak memaparkan atau tidak berlakunya eksploitasi MPK kerana terdapat sekatan (Bahadori & Bagherzade, 2016; Indirawati, 2018; dan Sukriawati, 2019). Sekatan ini untuk memastikan perbualan formal itu dapat memenuhi kehendak pendengar dan arah perbualan (Andriyani, 2015; dan Indirawati, 2018). Di samping itu, eksploitasi MPK juga tidak berlaku dalam perbualan formal kerana kepentingan perbualan formal itu adalah untuk menyampaikan maklumat dengan lancar. Oleh kerana itu, sekatan ini diaplikasikan kerana eksploitasi MPK berkemungkinan mengganggu proses ini. Malah, sekatan ini juga atas alasan perbualan formal merupakan perbualan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan atau mendidik pendengar (Zhou, 2009; Andriyani, 2015; Li, 2015; dan Indirawati, 2018).

Perbualan dalam filem juga merupakan satu bentuk penyampaian ilmu atau maklumat yang cenderung menggunakan perbualan tidak formal (Romney, 2003; Bruti, 2016; Locher & Jucker, 2017; Giampieri, 2018; Bednarek, 2018; dan Chen, 2019). Berdasarkan dakwaan Zhou (2009), Andriyani (2015), dan Indirawati (2018) yang menyatakan eksploitasi MPK disekat dalam perbualan yang menyampaikan ilmu, maka perlu ada perbincangan lebih lanjut berkenaan perbualan dalam filem. Perbincangan ini akan menjelaskan adakah eksploitasi MPK turut disekat dalam filem memandangkan perbualan dalam filem juga satu bentuk penyampaian ilmu dan mendidik penonton.

Di samping itu, MPK sebelum ini telah dikaji dalam pelbagai bahan termasuk iklan, novel dan akhbar (He, 2012; Kukkonen, 2013; Noertjahjo, Arifin, & Ariani, 2017; Kazemi & Ebrahimi, 2016; dan Thakur, 2016) dan juga telah dibincangkan dalam perbualan masyarakat menerusi filem. Namun kajian tersebut lebih kepada perbincangan eksploitasi MPK untuk mencetuskan jenaka dalam perbualan (Vandaele, 2002; Hanafi, 2008; Li & Zhou, 2010; Sadehvandi & Khosravizadeh, 2011). Sedangkan, eksploitasi MPK juga digunakan penutur secara sengaja dengan niat untuk menyakiti perasaan pendengar (Cook, 1989; Siegel, 2015; dan Olsen, 2015). Kajian lepas menunjukkan dapatan eksploitasi dilakukan peserta perbualan untuk menunjukkan nilai kemesraan dan tidak melibatkan niat negatif seperti menyakiti perasaan pendengar. Maka kajian berkaitan eksploitasi dalam perbualan masyarakat Melayu perlu dilakukan bagi mengenalpasti eksploitasi yang berlaku dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem hanya sekadar untuk mencetuskan jenaka sahaja seperti mana dalam kajian berkaitan eksploitasi sebelum ini.

Selain itu, peserta perbualan akan mengharapkan sumbangan yang menepati ciri sumbangan umum yang telah mendasari kemahuan perbualan manusia

sama ada disedari atau tidak (Grice, 1989). Perbualan yang mematuhi MPK akan menghasilkan sumbangan berkesan kerana MPK membantu membimbing penutur menghasilkan sumbangan yang mencukupi, benar, jelas dan relevan seperti yang diharapkan pendengar (Davies, 2000; Mako, Kosuke, Yusuke, & Shoji, 2015; dan Rubio-Fernandez, 2019). Namun begitu, akan berlaku keadaan penutur tidak mematuhi MPK ini walaupun kepentingannya dalam sesebuah perbualan telah jelas diperkatakan (Grice, 1989; Danziger, 2010; Khosravizadeh & Sadehvandi, 2011; dan Fallis, 2012). Ketidakpatuhan ini boleh berlaku menerusi pelbagai cara namun ketidakpatuhan yang paling penting untuk dibincangkan adalah eksploitasi MPK iaitu ketidakpatuhan pelanggaran untuk menghasilkan sumbangan berkesan dan bermakna menerusi perkaitan dengan PK (Grice, 1989; Brumark, 2006; Alduais, 2012; dan Ceballos & Sosas, 2018).

Kesan atau niat yang berbeza menerusi kepelbagaian ketidakpatuhan ini akan menyebabkan kekeliruan kepada pendengar. Kekeliruan ini dilihat dengan jelas apabila eksploitasi dianggap sebagai ketidakpatuhan yang lain kerana hanya eksploitasi akan berhubungjalin dengan PK. Jika ketidakpatuhan ini tidak dapat dihubungkan dengan PK maka eksploitasi MPK tidak berlaku dan tidak dapat menepati kehendak perbualan pendengar dan arah perbualan (Mirivel, 2015). Kajian yang dijalankan ini meneliti eksploitasi MPK yang dikesan dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem akan menyebabkan kekeliruan kepada pendengar atau pun tidak. Justeru, kajian ini membincangkan konsep eksploitasi MPK dalam perbualan masyarakat Melayu bagi memperlihatkan cara masyarakat Melayu menerapkan konsep kerjasama dalam perbualan agar kekeliruan tidak berlaku dalam perbualan yang melibatkan eksploitasi.

Eksploitasi MPK merupakan penggunaan ujaran yang tidak menyampaikan maksud sebenar penutur secara literalnya (Grice, 1989; Davies & Enokida, 2018; dan Sullivan, 2017). Eksploitasi MPK ini tetap sahaja digunakan dalam perbualan masyarakat walaupun tidak menyampaikan maksud penutur secara langsung (Tupan & Natalia, 2008; Yan, 2014; Jorfi & Dowlatabadi, 2015; Ngenget, 2017; dan Jamilah, Noriah & Noor Hafida, 2017). Namun begitu, perbualan yang mengandungi eksploitasi MPK berkemungkinan dan berisiko menimbulkan salah faham atau salah tafsir ujaran jika tidak diinterpretasi dengan tepat (Wyatt & Nunn, 2018; dan Horn, 2012). Interpretasi makna ujaran eksploitasi pada peringkat makna literal sahaja tidak akan menunjukkan makna penutur dengan tepat. Apabila pendengar melakukan interpretasi makna ujaran eksploitasi berdasarkan makna literal sahaja, salah tafsir makna sebenar penutur akan berlaku. Sedikit kesilapan yang berlaku ketika menghuraikan makna sumbangan yang mengeksploitasi MPK akan memberi kesan pada peringkat akhir komunikasi (Affifatusholihah & Setyawan, 2016; H. Khalil, 2017; dan Ayasreh & Razali, 2018).

Tambahan lagi, bagi pendengar yang tidak cekap berbahasa akan mendapati interpretasi makna sebenar sumbangan eksploitasi MPK sukar ditafsir dan difahami (Noertjahjo, Arifin, & Ariani, 2017; Baptista, 2011; Koutoupis, 1982; Saul, 2002; Benton, 2016; dan Muhammad Zuhair, Ahmad Mahmood & Al-Amin, 2018). Ngenget (2017) menjelaskan, perbualan mempunyai potensi untuk

berlaku salah faham jika terdapat sumbangan yang tidak boleh diinterpretasi dengan cara meneliti maksud berdasarkan makna kata sumbangan tersebut sahaja. Ujaran yang mengeksploitasi MPK ini perlu diinterpretasi berdasarkan konteks. Pendengar yang keliru akan konteks perbualan dan juga tidak dapat mengakses konteks yang dibekalkan oleh penutur akan menghasilkan satu kesimpulan makna penutur yang tidak tepat.

Perkaitan ujaran eksploitasi dengan konteks ini telah dijelaskan oleh Grice (1989) dan Sperber & Wilson (1995) dengan menyatakan penutur perlu mengambil kira aspek konteks pengetahuan dan kebolehan pendengar agar sumbangan yang mengeksploitasi MPK dapat diinterpretasi dengan tepat. Pendengar akan menghadapi kesukaran untuk menjelaskan maksud sebenar penutur jika tidak mengambil kira maklumat konteks ini (Fergina, 2011 dan Ayasreh & Razali, 2018). Maklumat konteks ini amat penting dalam pemahaman makna ujaran yang mengeksploitasi MPK dan pemahaman ini tidak akan tercapai jika konteks yang dibekalkan kurang (Liu, 2017; Dascal, 1977; Michael & Muthusamy, 2015; Dairo, 2001; Lindblom, 2001; Davies, 2000; dan Horowitz, Schneider & Frank, 2017).

Kajian ini penting bagi membincangkan secara lanjut cara konteks ini membantu menghasilkan sumbangan berkesan dan mencukupi kepada pendengar seterusnya membantu mengelakkan berlakunya salah faham dalam perbualan. Oleh sebab itu, kajian ini akan membincangkan berkenaan konteks dan kebolehan peserta perbualan yang telah ditekankan dalam Teori Perbualan Grice (seterusnya TPG) dan Teori Relevans (seterusnya TR) untuk memahami makna sebenar sumbangan yang mengeksploitasi MPK. Isu yang dapat dibangkitkan berkaitan kajian ini adalah adakah implikatur atau sumbangan hasil eksploitasi MPK yang digunakan secara meluas dalam perbualan masyarakat Melayu ini sebenarnya mengganggu pengaliran maklumat dan bagaimana perbualan masyarakat Melayu yang mengeksploitasi MPK dapat mencapai matlamat perbualan penutur dan juga pendengar. Perbincangan ini penting dilakukan bagi memperlihatkan hubungan konteks dengan ujaran eksploitasi dan secara tidak langsungnya menyerlahkan lagi kebolehan eksploitasi MPK menyampaikan sumbangan perbualan dengan berkesan.

Seperti mana penjelasan Grice (1989) dalam perbualan langsung masyarakat, eksploitasi dapat dilihat menerusi ujaran yang digunakan oleh penutur. Setiap eksploitasi MPK ini mempunyai submaksim yang tertentu dan ditanda dengan struktur yang ketara sama ada dari segi ayat, frasa dan juga perkataan yang digunakan. Misalnya, struktur eksploitasi MPK untuk MKLPK akan menggunakan struktur sama ada ayat, frasa atau perkataan yang tidak benar atau palsu manakala struktur eksploitasi MPK untuk MKTPK akan menggunakan struktur ayat yang mengandungi maklumat yang berlebihan atau kurang.

Filem dapat digunakan untuk melihat realiti kehidupan kerana filem adalah 98% realiti kehidupan masyarakat (Piazza, 2011 dan Parisi & Andon, 2016). Filem memaparkan realiti kehidupan masyarakat dengan pemaparan ketulenan

bahasa dan budaya masyarakat (Andresen, 2013; Guo & Li, 2017; Yuvike & Winiharti, 2009; dan McGinty, 1997). Perbualan dalam filem Melayu pada tahun 1950-an hingga 1960-an dapat menggambarkan realiti kehidupan dan penggunaan bahasa masyarakat Melayu yang sehari-hari (Nor Hashimah & Norsimah, 2006 dan Mustafa, 2010). Selain itu, perbualan yang terkandung dalam filem Melayu terutamanya filem tahun 1950-an hingga 1960-an jelas sekali memaparkan bahasa menepati realiti berbahasa mengikut pegangan bangsa Melayu (Jins Shamsudin, 2014; Aminnudin & Zaitul Azma, 2016; Fatin Rabiha & Zaitul Azma, 2017; Sharipah Nur Mursalina, 2018; dan Nur Fatiha, 2010). Perbualan dalam filem ini menarik untuk dikaji kerana memaparkan perbualan yang pernah berlaku dalam masyarakat sebelum ini yang tidak dapat kita dengar atau lihat secara langsung. Oleh itu, kajian ini penting bagi menganalisis dengan lebih mendalam struktur perbualan secara langsung yang mengeksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu memandangkan struktur perbualan dalam filem adalah realiti kepada perbualan masyarakat sebenar.

Seterusnya, Za'ba (1950) menjelaskan bahawa setiap masyarakat mempunyai cara atau gaya berbahasa yang tersendiri. Masyarakat Melayu terkenal sebagai masyarakat yang menggunakan implikatur dalam situasi perbualan seharian mereka. Bagi masyarakat konteks budaya tinggi penggunaan implikatur ini dapat dikesan dalam perbualan mereka (He, 2012). Penggunaan implikatur ini juga disebabkan tuntutan budaya, falsafah dan pemikiran sesebuah masyarakat (Vergis & Terkourafi, 2015; dan Jamilah, Noriah & Noor Hafida, 2017). Selain itu, implikatur ini juga dapat dikesan kerana masyarakat mementingkan nilai berbudi bahasa dalam perbualan (He, 2012).

Implikatur yang tercetus menerusi keadaan eksploitasi ini dapat dilihat dengan jelas menerusi dialog filem Melayu tahun 1950-an hingga 1960-an yang menunjukkan penggunaan implikatur pada tahap kekerapan yang tinggi. Implikatur yang tercetus menerusi eksploitasi ini dapat dilihat menerusi submaksim yang tersendiri. Grice (1989) menjelaskan bahawa setiap submaksim PK ini akan menunjukkan struktur eksploitasi yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Justeru kajian ini akan menganalisis implikatur yang tercetus menerusi eksploitasi bagi memperlihatkan struktur eksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu. Kajian ini penting bagi membincangkan dengan lebih mendalam cara perbualan filem pada 1950-an hingga 1960-an dapat mencerminkan penggunaan berbahasa masyarakat Melayu dan dapat memperlihatkan struktur perbualan masyarakat Melayu yang gemar menggunakan implikatur sebagai seni berbahasa (Nor Hashimah, 1992; Mustafa, 2010; dan Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015). Malah, perbincangan eksploitasi MPK dalam masyarakat yang memiliki konteks budaya tinggi menarik untuk dikembangkan dalam perbualan masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu merupakan masyarakat konteks budaya tinggi yang memegang nilai berbahasa yang tersendiri (Lailawati, 2005; Noriati, 2005; dan Cho & Puteri Roslina, 2016). Struktur eksploitasi menerusi dialog filem Melayu ini juga secara tidak langsungnya dapat mempamerkan nilai berbahasa masyarakat Melayu yang memegang konteks budaya tinggi.

Kekerapan penggunaan implikatur dalam perbualan masyarakat Melayu khususnya menerusi filem Melayu pada tahun 1950-an hingga 1960-an ini juga menunjukkan ketidakpatuhan MPK dalam perbualan masyarakat menerusi filem. Implikatur yang tercetus menerusi eksploitasi ini dapat dilihat dengan jelas menerusi maksim yang dieksploitasi. Setiap maksim yang dieksploitasi akan mencetuskan struktur ujaran berimplikatur yang berbeza. Penentuan maksim yang dieksploitasi oleh penutur ini penting untuk dibincangkan kerana maksim itu akan membekalkan maklumat andaian yang dapat membantu pendengar menyimpulkan makna sebenar penutur. Maka kajian ini akan menjelaskan dengan lebih lanjut struktur eksploitasi bagi setiap maksim untuk menjelaskan lagi implikatur yang tercetus.

Selain itu, PK menekankan konsep kerjasama dalam komunikasi dengan menyarankan sumbangan perbualan perlu secukupnya seperti yang diperlukan mengikut tahap perbualan, dengan tujuan yang sama atau arah perbualan dituturkan (Grice, 1989). Konsep kerjasama ini dapat diterapkan dalam konteks perbualan masyarakat menerusi filem dengan cadangan sumbangan perbualan dalam filem ini adalah secukupnya seperti yang diperlukan oleh watak dan penonton pada tahap perbualan itu berlangsung, dengan tujuan yang sama atau arah pertuturan penutur (watak). Dalam filem, perbualan penting bagi memastikan kelancaran pengaliran mesej kepada penonton (Romney, 2003; dan Chen, 2019). Penggunaan perbualan yang jelas, mudah, betul dan relevan mengikut ciri sumbangan berkesan akan menjadi pembantu kepada penyampaian mesej yang lancar (Yan, 2014; Yusro, 2019; dan Slocum, 2016).

Perbualan dalam filem berfungsi untuk mengembangkan jalan cerita, menggambarkan watak dan membantu penonton menjiwai dan memahami jalan cerita (Yuvike & Winiharti, 2009). Penggunaan perbualan filem ini akan dianggap menepati ciri sumbangan berkesan jika pendengar dan penutur mencapai kefahaman yang sama untuk sumbangan tersebut (Fukumura & Gompel, 2017; dan Yusniza Yaakub & Noriah Mohamed, 2018). Dalam pada itu, filem menyediakan situasi perbualan yang melibatkan paparan watak terdiri daripada pelbagai konteks sosial sama ada dari segi umur, pangkat, jantina, atau hubungan. Terdapat situasi perbualan yang memerlukan penutur tidak menyatakan makna sebenar secara langsung iaitu menggunakan implikatur kerana dipengaruhi konteks sosial tersebut (Rundquist, 1992; Xia, 2013; dan Andresen, 2014). Namun begitu, dialog filem harus dapat difahami oleh pendengar dan juga semua penonton yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

PK yang ditekankan Grice ini akan dapat menerangkan konsep kerjasama yang berlaku antara penutur (watak) dengan watak pendengar dan penonton sebagai pendengar. Penonton filem dapat dijelaskan sebagai pendengar kedua dalam dialog filem tersebut (Szczepanski, 2015; Bubel, 2008; Dynel, 2011; dan O' Meara, 2018). Maka perbualan yang digunakan dalam filem harus memberikan sumbangan yang mencukupi kepada penonton. Perlunya perbincangan lebih lanjut untuk menghuraikan cara konsep PK ini diterapkan dalam perbualan masyarakat menerusi filem dan membantu penonton memahami mesej yang

ingin disampaikan oleh filem berkenaan. Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk membincangkan perbualan dalam filem yang mengeksploitasi MPK menghubungkan konsep kerjasama untuk membimbing penonton filem memahami sumbangan watak yang digambarkan sekali gus memahami mesej yang ingin disampaikan dalam filem tersebut.

Seterusnya, penggunaan bahasa dapat mencerminkan keperibadian, sikap serta pemikiran (Kramsch & Widdowson, 1998; Lee et al, 2007; Esfandiari & Radfar, 2017; dan Ramey & Hollibaugh, 2019). Kesilapan penyampaian sumbangan akan menyebabkan pendengar sukar memahami mesej yang ingin disampaikan dan secara tidak langsung akan mempengaruhi pandangan pendengar terhadap sikap penutur (Wong, 2013). Normaliza & Zaitul Azma (2008) turut menjelaskan, kegagalan menggunakan sumbangan sopan atau berbudi bahasa dalam komunikasi akan menyebabkan penutur dianggap biadab. Sumbangan perbualan sebenarnya dapat menggambarkan kesantunan, kehalusan budi bahasa dan pemikiran sesebuah masyarakat (Wong, 2013 dan Ghazal, 2017). Berdasarkan perbincangan itu perlunya penelitian yang lebih terperinci bagaimana eksploitasi MPK ini mampu menggambarkan pegangan nilai berbahasa masyarakat Melayu. Jadi perlu ada kajian yang menjelaskan nilai berbahasa masyarakat Melayu menerusi eksploitasi MPK yang dikesan dalam dialog filem Melayu bagi menggambarkan realiti berbahasa masyarakat Melayu ini.

Seterusnya, kajian berkenaan filem Melayu telah memperlihatkan kepelbagaian korpus dengan kecenderungan kepada pemaparan isu atau kritikan sosial masyarakat Melayu seperti kajian Al-fatimah & Normaliza (2014), dan Selvarani (2017), kajian berkaitan analisis pengaruh agama dalam filem Melayu (Rosmawati et al., 2011; Azimah & Rosmawati, 2016; Siti Aisyah & Muhammad Faisal, 2017; dan Hajar Opira et al., 2017) dan kajian mengenai aspek pemikiran masyarakat Melayu dalam filem (Mohd Ghazali, 2008; Azlina & Jamaludin, 2013; Hani Salwah et al. 2016; dan Nur Elyana & Zairul Anuar, 2017). Namun, kajian itu tidak merungkai aspek perbualan yang mengeksploitasi MPK dalam filem. Perbincangan berkenaan filem dalam kajian tersebut hanya sekadar menerangkan filem sebagai medium penceritaan kepada cara masyarakat menghadapi sebarang konflik atau fenomena yang berlaku dan tetapi tidak menyentuh aspek bahasa yang turut berperanan dalam menyelesaikan konflik tersebut.

Manakala jika meneliti kajian berkaitan implikatur seperti kajian Amirah & Nor Hashimah (2013), Raja Shaharudin & Zaitul Azma (2015), Mohd Aris & Ahmad Esa (2016), Yusniza et al. (2017), dan Yusniza & Noriah (2018) kajian tersebut hanya menjelaskan makna implikatur sahaja tanpa memperincikan secara jelas sebab yang mempengaruhi penggunaan implikatur tersebut. Manakala kajian berkenaan implikatur atau ujaran tak langsung dalam filem telah dijalankan oleh Mustafa (2010) dan Fatin Rabiha & Zaitul Azma (2017) tetapi kajian tersebut lebih tertumpu aspek makna tanpa menghuraikan aspek eksploitasi MPK yang berlaku. Tambahan pula, Fatin Rabiha & Zaitul Azma (2017) dan Sharipah Nur Mursalina (2018) berpendapat kajian berkaitan analisis perbualan masyarakat

menerusi filem Melayu berdasarkan pendekatan pragmatik masih kurang mendapat perhatian dan perlu diteroka dengan lebih lagi. Justeru kajian ini dijalankan untuk memperlihatkan struktur perbualan secara langsung mengeksploitasi MPK menerusi filem menggunakan pendekatan pragmatik.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan eksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu dengan mengkhususkan kepada 3 objektif iaitu:

1. Menenal pasti eksploitasi MPK dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem.
2. Menganalisis perbualan masyarakat Melayu yang mengeksploitasi MPK menerusi filem menggunakan Teori Perbualan Grice dan Teori Relevans.
3. Menganalisis struktur perbualan secara langsung yang mengeksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu.

Persoalan Kajian

1. Apakah sumbangan yang mengeksploitasi MPK dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem?.
2. Bagaimanakah perbualan masyarakat Melayu yang mengeksploitasi MPK menerusi filem dianalisis menggunakan Teori Perbualan Grice dan Teori Relevans?.
3. Apakah struktur perbualan secara langsung yang mengeksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu?.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberikan penerangan tentang kepentingan PK yang dijelaskan Grice (1989) dalam situasi penggunaan bahasa. Setiap bahasa di dunia ini mempunyai cara penggunaannya yang tersendiri. PK telah digagaskan Grice (1989) atas usaha untuk mendapatkan satu komunikasi yang berkesan dan berjaya. Walaupun tidak dianggap sebagai satu kewajipan, PK membekalkan satu set peraturan yang boleh dipatuhi oleh pengguna bahasa bagi menghasilkan satu komunikasi yang berkesan. Kajian ini akan memperlihatkan kesan yang jelas jika PK ini dihubungkan dalam perbualan.

Selain itu, kajian ini juga dapat menonjolkan pelbagai aspek berkaitan komunikasi khususnya berkaitan pemahaman dan interpretasi ujaran. Dalam komunikasi, pelbagai cara berbahasa digunakan dan ini tidak terkecuali kepada penggunaan sumbangan yang mengeksploitasi MPK. Penjelasan yang

mendalam berkenaan eksploitasi MPK dapat membantu penutur dan pendengar dalam memahami eksploitasi ini. Selain itu, penutur dan pendengar berupaya untuk mengenal pasti bentuk sumbangan yang mengeksploitasi MPK. Aspek ini perlu diambil perhatian kerana sumbangan yang mengeksploitasi MPK akan mencetuskan implikatur. Kajian ini akan membantu pendengar atau penonton filem dalam menginterpretasi implikatur tersebut. Penjelasan ini dapat membantu peserta komunikasi menyampaikan sumbangan yang berkesan serta membantu membaiki diri dalam proses komunikasi.

Seterusnya, kajian yang memfokuskan kepada bidang pragmatik ini juga penting kepada pengguna bahasa tidak kira kepada pengguna bahasa Melayu atau pun tidak. Kajian ini dapat membantu pengguna bahasa khususnya berkaitan makna. Pemahaman berkaitan makna amat penting dalam perbualan yang berlangsung. Kesilapan penyampaian sumbangan yang mengandungi makna kabur, ambiguiti atau pun implikatur mungkin akan memberi kesukaran kepada peserta komunikasi yang kurang mahir berbahasa. Kajian ini berupaya menjelaskan secara terperinci berkenaan aspek makna yang amat bergantung kepada konteks ujaran. Pemahaman yang jelas berkenaan aspek makna dapat membantu pengguna bahasa dalam pemilihan ujaran. Secara tidak langsungnya meningkatkan kemahiran peserta komunikasi dalam berinteraksi menggunakan bahasa yang tepat dan betul.

Di samping itu, kajian ini turut dapat memaparkan keistimewaan masyarakat Melayu dan bahasa Melayu itu sendiri. Kajian ini membantu memaparkan aspek pemikiran orang Melayu berdasarkan penggunaan bahasa ketika komunikasi. Pemaparan sikap dan pegangan masyarakat Melayu yang berpegang teguh dengan nilai kesopanan dan kehalusan dalam perbualan dapat menguatkan lagi dakwaan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan nilai berbudi bahasa dalam komunikasi. Malah, kajian ini juga memberi pendedahan kepada semua masyarakat mengenai sikap dan cara penggunaan bahasa orang Melayu yang gemar menyampaikan mesej dengan sumbangan mengeksploitasi MPK.

Pada waktu yang sama, kajian ini dapat memaparkan cara penggunaan bahasa masyarakat Melayu yang cenderung menggunakan sumbangan eksploitasi MPK tetapi mampu menyampaikan mesej dengan tepat tanpa berlakunya salah faham. Menerusi kajian ini juga, ketertiban masyarakat Melayu dalam komunikasi dapat dijelaskan secara berhemah dan terperinci. Hal ini dapat mendidik masyarakat mengenai penggunaan bahasa orang Melayu yang penuh dengan nilai kesenian dan kesopanan. Selain itu, kajian ini dapat memaparkan kecenderungan orang Melayu menggunakan sumbangan mengeksploitasi MPK terutama sekali kerana dipengaruhi oleh nilai menjaga air muka yang telah menjadi pegangan sejak turun temurun lagi.

Tambahan pula, kajian ini dilihat sebagai salah satu usaha mempelbagaikan bentuk kajian penggunaan bahasa masyarakat Melayu. Analisis yang mencakupi penggunaan bahasa masyarakat Melayu ini penting bagi mempelbagaikan kajian berkaitan MPK yang sebelum ini banyak tertumpu

kepada bahasa Inggeris. Malah, kajian ini juga penting bagi memperluaskan bidang kajian pragmatik berfokuskan filem yang dapat memperlihatkan penggunaan bahasa masyarakat dibantu dengan aspek visual. Walaupun kajian ini menekankan atau memfokuskan kepada eksploitasi MPK serta hasil akhirnya tetapi kajian ini secara keseluruhannya memaparkan kepelbagaian cara dalam mengkaji bahasa berdasarkan pendekatan teori dan pandangan yang berbeza.

Kajian ini juga membuka ruang atau idea kepada kajian lanjutan berkaitan eksploitasi MPK yang mungkin tidak atau kurang dijelaskan dalam kajian ini. Kajian ini turut memberikan gambaran awal tentang kajian berkaitan eksploitasi MPK, implikatur atau sumbangan berkesan. Dengan ini, pengkaji akan lebih bersedia dan dapat menganalisis data dengan lebih teliti. Malah, kajian ini dapat menjadi pemangkin kepada sebarang kajian berkaitan filem tidak kira dari aspek dialog mahupun visual kerana aspek visual dalam filem turut mempunyai kebolehan untuk menjadi data pragmatik. Kajian ini berupaya membantu penyelidik untuk mendapatkan idea berkenaan penciptaan implikatur dan pengkaji lain dapat memanfaatkan peluang ini bagi menganalisis implikatur dengan menggunakan pendekatan berbeza dari yang dipaparkan dalam kajian ini.

Kajian ini turut memfokuskan kepada kepentingan filem terutamanya aspek perkaitan penggunaan dialog filem dengan kehidupan masyarakat. Menerusi kajian ini, peranan besar dialog dapat ditonjolkan. Filem sememangnya dekat dengan masyarakat kerana filem yang bermutu akan berjaya mempengaruhi masyarakat. Oleh itu, kajian ini memaparkan kepentingan memilih kata yang tepat dalam dialog bagi memastikan penyampaian mesej yang tepat dan berkesan. Kepentingan kajian ini juga dapat difokuskan kepada penggiat seni filem iaitu penulis skrip, pengarah dan juga pelakon kerana penggunaan ujaran yang berkesan akan membantu penyampaian mesej yang jelas kepada penonton. Kajian ini dapat digunakan oleh penulis skrip misalnya sebagai panduan menghasilkan satu skrip dialog yang memaparkan isu yang dibawa oleh filem dalam masa yang sama menggambarkan dengan tepat pemakaian bahasa masyarakat tersebut.

Selain itu juga, kepentingan kajian ini boleh difokuskan kepada pelajar khususnya pelajar yang ingin menguasai bahasa Melayu. Hal ini kerana kajian ini menyediakan pelbagai contoh perbualan seperti mana perbualan seharian biasa sama ada dalam bentuk perbualan formal atau tidak formal. Struktur perbualan yang mengeksploitasi MPK seperti mana dalam data kajian ini melibatkan peserta perbualan yang terdiri daripada konteks sosial yang berbeza. Kepelbagaian konteks sosial peserta perbualan ini adakalanya memberikan kesukaran kepada pelajar apabila terlibat dalam sesebuah perbualan. Oleh itu kajian ini dapat menjadi panduan yang khusus yang akan menyediakan struktur perbualan menerusi perbualan eksploitasi yang akan menyampaikan mesej dengan tepat dan pada masa yang sama memenuhi pegangan budaya masyarakat Melayu dalam komunikasi.

Seterusnya, kajian ini juga dapat digunakan sebagai panduan penyampaian mesej kepada audiens yang lebih besar seperti mana dalam ceramah, bual bicara, forum dan sebagainya. Penyampaian mesej yang melibatkan audiens yang besar misalnya terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan umur memerlukan penelitian yang khusus kerana konteks yang dimiliki oleh setiap audiens ini berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, penutur perlu bijak mengandaikan keadaan atau keupayaan mental audiensnya apabila mengujarkan sesuatu ujaran. Ujaran yang disampaikan penutur itu perlu difahami oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu kajian ini dapat membantu dalam situasi perbualan seperti ini dengan menyediakan satu panduan perbualan yang melibatkan peserta perbualan yang terdiri daripada latar belakang dan capaian konteks yang berbeza. Kajian ini menyediakan panduan struktur perbualan menerusi eksploitasi yang dapat disesuaikan mengikut konteks sosial pendengar dan pada masa yang sama dapat menyampaikan sesuatu isu yang berat seperti mana yang dibawa oleh situasi perbualan tersebut.

Selain itu juga kajian ini juga bermanfaat kepada satu organisasi atau sebuah badan pentadbiran. Kajian ini dapat memberi panduan kepada perbualan yang melibatkan urusan pentadbiran contohnya dalam mesyuarat. Mesyuarat adalah satu bentuk komunikasi formal yang dilakukan untuk membincangkan sesuatu isu. Mesyuarat dalam satu organisasi pentadbiran atau perniagaan lazimnya dilakukan untuk membincangkan perkembangan atau gerak kerja yang melibatkan ketua dengan orang bawahan. Situasi komunikasi formal seperti mana mesyuarat ini dapat menggunakan kajian ini sebagai panduan untuk menyelesaikan isu yang berbangkit dengan lebih lancar. Kajian ini menunjukkan pemakaian bahasa yang memenuhi andaian kerjasama yang wujud secara semula jadi dalam diri manusia. Oleh itu kajian ini akan membekalkan panduan situasi perbualan yang memenuhi andaian kerjasama dan secara tidak langsung memenuhi tujuan mesyuarat itu diadakan

Batasan Kajian

Pembatasan yang khusus terhadap aspek dan bahan yang ingin diberi tumpuan akan membantu pengkaji mendapat hasil dan kesimpulan yang tepat seterusnya menyumbang kepada segala aspek sasaran. Justeru batasan kajian ini memberikan tumpuan yang khusus kepada eksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu yang terpilih berdasarkan pendekatan pragmatik. Kajian ini tertumpu kepada sampel ujaran watak penutur dalam filem terpilih. Keseluruhan data kajian diperolehi menerusi dialog yang digunakan oleh watak dalam filem Melayu pada tahun 1950-an sehingga 1960-an. Namun tidak semua filem Melayu yang terhasil pada tahun tersebut diambil. Filem terpilih untuk dijadikan bahan kajian adalah filem Melayu yang menggunakan dialog dalam bahasa Melayu serta terhasil daripada penulisan skrip dan pengarah berbangsa Melayu bagi memastikan ketulenan dan kesahihan penggunaan bahasa masyarakat Melayu. Pemilihan filem juga dibataskan kepada tiga kategori iaitu kemasyarakatan, kekeluargaan dan jenaka berdasarkan hujah bahawa analisis perbualan masyarakat dalam filem perlu dilakukan menerusi tiga kategori ini (Coates, 2007;

Abrams, 2016; dan Carraher, 2017). Berdasarkan kriteria batasan bahan kajian yang tertumpu kepada eksploitasi MPK, ujaran watak dalam filem, filem hasil penulisan skrip dan pengarah berbangsa Melayu serta 3 kategori filem Melayu, hanya 20 filem Melayu telah dipilih untuk dianalisis perbualannya. Menerusi 20 filem terpilih tersebut, tidak kesemua ujaran watak penutur dipilih untuk dijadikan sebagai data kajian. Data hanya tertumpu kepada ujaran penutur yang menunjukkan eksploitasi MPK dan dianalisis berdasarkan pendekatan pragmatik.

Perbualan yang dikenal pasti mengeksploitasi MPK dijadikan data kajian dan dianalisis menggunakan pendekatan pragmatik iaitu TPG dan TR. TPG terdapat PK yang menggariskan empat maksim asas sebagai panduan mendapatkan komunikasi berkesan dan TR menekankan prinsip kognitif dan komunikatif. Analisis berdasarkan prinsip dan teori ini dapat menjelaskan perbualan yang mengeksploitasi MPK. Menerusi analisis berdasarkan teori ini juga segala maklumat, mesej atau idea sebenar penutur dalam perbualan yang mengeksploitasi MPK dapat dihuraikan secara terperinci dan membantu pendengar memahami sumbangan tersebut. Pemahaman makna bagi perbualan yang mengeksploitasi MPK ini akan dapat membantu pengguna bahasa memahami implikatur yang terhasil serta mendorong penghayatan terhadap perbualan yang berlangsung.

Data diperoleh menerusi hasil tontonan seterusnya pengkaji melakukan transkripsi bagi dialog filem terpilih. Transkrip yang mengandungi data kajian itu kemudiannya dibahagikan mengikut objektif kajian. Kajian ini membataskan kepada tiga objektif utama iaitu mengenal pasti eksploitasi MPK dalam perbualan masyarakat Melayu menerusi filem, menganalisis perbualan masyarakat Melayu yang mengeksploitasi MPK menerusi filem menggunakan TPG dan TR, dan menganalisis struktur perbualan secara langsung yang mengeksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu. Perbualan dalam filem terpilih dijadikan bahan kajian kerana filem tersebut menyediakan pelbagai situasi perbualan yang membawa isu kekeluargaan, masyarakat dan jenaka. Situasi perbualan ini banyak mempamerkan elemen konflik yang memerlukan penutur menggunakan sumbangan eksploitasi MPK dan kajian ini akan menganalisis struktur eksploitasi yang sesuai digunakan untuk membantu menyampaikan makna penutur dengan berkesan.

Definisi Operasional

Eksploitasi

Eksploitasi merupakan sumbangan perbualan yang tidak mematuhi panduan MPK dengan sengaja bagi mencetuskan implikatur yang selari dengan arah, tujuan atau topik perbualan. Eksploitasi ini juga satu sumbangan yang perlu diteliti dengan lebih teliti kerana maksud sebenar penutur melangkaui makna sumbangan yang disampaikan. Eksploitasi juga merujuk kepada sumbangan

yang mengeksploitasi panduan komunikatif rasional dengan niat menyampaikan sumbangan mengikut kehendak pendengar dan penutur. Malah eksploitasi juga dapat dijelaskan sebagai penggunaan sumbangan yang mengeksploitasi kemahuan pendengar dan menggunakan bentuk bahasa yang perlu diinterpretasi berdasarkan konteks. Eksploitasi adalah fenomena berbahasa yang berlaku dalam semua bahasa di dunia ini. Keunikan penggunaan sumbangan yang mengeksploitasi MPK juga menjadi tarikan dalam bahasa perbualan. Eksploitasi dalam perbualan turut menggambarkan kecekapan peserta komunikasi. Penelitian eksploitasi ini dapat dilakukan dengan lebih tepat dan jelas berlandaskan panduan pragmatik.

Filem

Mulhall (2016) menjelaskan filem sebagai satu aliran pemikiran yang mempunyai hubungan rapat dengan falsafah kehidupan manusia. Filem turut terbentuk berdasarkan gabungan falsafah, sejarah, sains, agama dan sebagainya yang memaparkan realiti kehidupan masyarakat. Filem melibatkan penyampaian makna yang berlandaskan pegangan pemikiran, kepercayaan, matlamat dan kritikan. Umumnya, filem adalah satu bentuk media untuk menyampaikan sesuatu fahaman atau pemikiran yang boleh ditonjolkan dengan jelas menerusi penggunaan dialog dalam filem tersebut.

Dalam konteks penyelidikan ini, filem menjadi satu model penggunaan bahasa yang terhasil menerusi peniruan kepada bahasa sebenar masyarakat yang dipaparkan. Filem juga memaparkan cara berbahasa masyarakat dalam kehidupan seharian dan cara masyarakat menggunakan bahasa bagi menyelesaikan konflik yang timbul. Umumnya penggunaan bahasa menerusi dialog filem akan memaparkan budaya komunikasi sesebuah masyarakat. Penggunaan dialog filem juga memainkan peranan penting dalam penyampaian mesej yang berkesan sekali gus meningkatkan daya fikir penonton. Dalam penyelidikan berkaitan filem ini, filem pada tahun 1950-an hingga 1960-an berlatarkan kehidupan masyarakat Melayu yang memaparkan elemen kekeluargaan, kemasyarakatan dan jenaka dikaji dengan lebih lanjut.

Struktur Eksploitasi

Struktur merujuk kepada unsur atau aspek yang membina sesuatu perkara, benda atau keadaan. Struktur ini penting kerana berperanan menjadi asas kepada sesuatu pembinaan. Dalam konteks kajian ini struktur eksploitasi dapat memperincikan cara sesuatu ujaran eksploitasi itu dibentuk. Setiap ujaran yang mengeksploitasi MPK akan melanggar maksim sama ada Kualiti, Kuantiti, Hubungan atau Cara. Maksim dalam TPG ini mempunyai tugasnya yang tersendiri iaitu menyediakan panduan kepada manusia dalam berkomunikasi. MPK mempunyai perincian panduan dan memberi gambaran umum struktur perbualan sama ada yang mematuhi MPK dan tidak mematuhi MPK. Misalnya bagi ujaran yang mematuhi MKLPK, struktur ujaran tersebut akan dihadiri oleh

maklumat yang benar seperti mana kehendak pendengar mengikut arah, tahap atau tujuan yang berlangsung. Struktur eksploitasi MPK ini bergantung dan berkait rapat dengan ciri panduan setiap maksim itu sendiri. Struktur eksploitasi MPK ini dapat dijelaskan sebagai asas pembinaan ujaran yang mengeksploitasi MPK yang bukan setakat pada struktur ujaran seperti gramatikal tetapi juga pada struktur dalaman seperti makna yang dikodkan oleh setiap kata yang digunakan dan juga hubung kait antara input dan konteks yang terlibat.

Kesimpulan

Eksplorasi MPK adalah ketidakpatuhan yang ditekankan oleh Grice (1989) kerana ketidakpatuhan ini akan menghasilkan sumbangan berkesan. Ketidakpatuhan itu dapat dijelaskan sebagai eksploitasi MPK jika dapat dihubungkan dengan PK. Konsep kerjasama dalam PK ini sebenarnya telah mendasari komunikasi manusia secara semula jadinya. Perbualan yang mengeksploitasi MPK tidak boleh dianalisis maknanya menerusi makna literal sahaja. Penggunaan sumbangan yang mengeksploitasi MPK berkait rapat dengan bidang pragmatik iaitu satu bidang linguistik kajian makna berdasarkan konteks situasi. TPG dan TR dijadikan sebagai panduan utama untuk menganalisis eksploitasi MPK dalam dialog filem Melayu terpilih.

RUJUKAN

- Aarons, D. (2017). Puns and Tacit Linguistic Knowledge. In Salvatore, A. (Eds.), *The Routledge Handbook of Language and Humor* (Pp. 80-94). New York: Taylor & Francis.
- Abrams, Z. (2016). Creating a social context through film: Teaching L2 pragmatics as a locally situated process. *L2 Journal*, 8(3).
- Acheoah, J., Adeyinka, A. O., & Olaleye, J. (2015). A Critique of H. P. Grice's Pragmatic Theory.
- Affifatusholihah, L., & Setyawan, A. H. (2016). Flouting Maxim By Sherlock Holmes And Dr. Watson In Tv Series Of Sherlock Season. *Jele (Journal Of English Language And Education)*, 2(2), 110-117.
- Akhtar, D. M. I. (2016). Research Design. Available At Ssrn 2862445.
- Alduais, A. (2012). Conversational Implicature (Flouting The Maxims): Applying Conversational Maxims On Examples Taken From Non-Standard Arabic Language, Yemeni Dialect, An Idiolect Spoken At Ibb City. *Journal Of Sociological Research*, 3(2), 376-387. 10.5296/Jsr.V3i2.2433.
- Allen, M. (2017). *The Sage Encyclopedia Of Communication Research Methods* (Vols. 1-4). Thousand Oaks, Ca: Sage Publications, Inc Doi: 10.4135/9781483381411
- Al-Shawi, M. A. (2013). Translating Euphemisms: Theory And Application. *Amarabac Magazin*, 39(2224), 1-18.
- Alvarez-Pereyre, M. (2008). Using Film As Linguistic Specimen: Theoretical And Practical Issues. In R. Piazza, M. Bednarek, & F. Rossi (Eds.), *Telecinematic Discourse: Approaches To The Language Of Films And Television Series* (Pp. 47-69). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Amanda, V., & Marlina, L. (2018). Directive Speech Acts Used In Frozen Movie Transcript. *E-Journal Of English Language & Literature*, 7(1), 218-224.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur Dalam Kes "Pembunuhan Noritta": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 28-38.
